

24 FEB 2003

NAM-PBB/I

PEPERANGAN TAK DAPAT DIELOAK TETAPI IRAQ PERLU PATUHI RESOLUSI 1441

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Ketika Iraq berhadapan dengan kemungkinan perang, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan hari ini mengingatkan kepimpinan Iraq supaya bekerjasama sepenuhnya dengan pemeriksa-pemeriksa senjata bagi membebaskan rakyatnya daripada penderitaan.

Beliau berkata adalah mustahak bagi kepimpinan Iraq untuk memahami bahawa situasi itu serius dan memerlukan perhatian segera.

Pemimpin PBB itu berkata beliau percaya peperangan yang diketuai Amerika Syarikat tidak dapat dielakkan, sungguhpun pada peringkat ini.

"Demi rakyatnya sendiri, dan demi keselamatan serta keamanan dunia, saya menggesa kepimpinan Iraq supaya memilih untuk lebih telus dan bekerjasama penuh dengan pemeriksa-pemeriksa senjata bagi membantu mengelakkan konflik," kata Annan pada perasmian Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di sini.

Ucapannya itu disampaikan oleh wakil khasnya bagi Afghanistan, Lakhdar Brahimi.

Annan memberitahu para pemimpin NAM yang menghadiri sidang kemuncak dua hari itu yang dipimpin pengerusi baru pergerakan berkenaan, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa pemeriksa-pemeriksa senjata di Iraq mula menghasilkan kejayaan dan mereka perlu dibenarkan untuk meneruskan tugas sehingga semua senjata pemusnah besar-besaran dihapuskan.

Beliau menyeru masyarakat antarabangsa, termasuk NAM, untuk mematuhi sepenuhnya Resolusi 1441 Majlis Keselamatan bagi melucutkan senjata.

Sekiranya masyarakat antarabangsa gagal mencapai persetujuan mengenai pendirian bersama dan tindakan pula diambil tanpa kuasa yang diberikan oleh Majlis Keselamatan, kewajaran dan sokongan bagi sebarang tindakan akan berkurangan dengan banyak," kata beliau.

Annan memberikan amaran bahawa apa juga yang berlaku di Iraq akan mendatangkan implikasi besar bagi isu-isu lain dalam beberapa tahun akan datang, termasuk keganasan antarabangsa dan suasana di wilayah Palestin yang diduduki serta Afghanistan.

Katanya peperangan di Iraq akan mendatangkan implikasi kemanusiaan yang serius memandangkan satu juta kanak-kanak di bawah lima tahun di negara itu mengalami kebuluran dengan teruk manakala lima juta rakyatnya pula kekurangan air yang selamat diminum.

Beliau, bagaimanapun memberitahu pemimpin-pemimpin NAM bahawa fokus kepada Iraq sekarang tidak seharusnya memesongkan mereka daripada menghadapi secara berkesan cabaran lain dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan alam sekitar.

"Sama ada mengambil berat terhadap keputusan Korea Utara untuk berundur daripada Perjanjian Pengawalan Senjata, atau krisis pemerintahan yang kini menyelubungi Amerika Latin, adalah jelas bahawa dunia memerlukan tindakan segera dan bersepadu bagi menangani ancaman bersama menerusi tindakan multilateral," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

JM MFJ JK ROS